

Volume 20, No. 1  February 2023

**JOURNAL OF**

*Islam in Asia*

A Refereed International Biannual Arabic – English Journal

INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA

أزما  
ينشأ  
الله  
من  
عبادته  
العلماء



JOURNAL OF *Islam in Asia*

Volume 20, No. 1 February 2023

ISSN: 1823-0970 E-ISSN: 2289-8077

# *Journal of Islam in Asia*

SPECIAL ISSUE: ISLAMIC CONTEMPORARY RESEARCH

Selected Papers from the International Conference on Islamic  
Contemporary Studies and Management 2021 (ICICM2021)

## **EDITOR-in-CHIEF**

Abdul Salam @ Zulkifli B. Muhamad Shukri

## **EDITOR**

Noor Azlan B. Mohd Noor

## **ASSOCIATE EDITOR**

Homam Altabaa

## **GUEST EDITORS**

Homam Altabaa

Mohd Aizul B. Yaakob

Mohammad Dhiya'ul Hafidh B. Fatah Yasin

Raudlotul Firdaus B. Fatah Yasin

Kamel Ouinez

## **COPY EDITOR**

Nur Mashitah Wahidah Bt. Anuar

## **EDITORIAL ADVISORY BOARD**

---

### **LOCAL MEMBERS**

Abdel Aziz Berghout (IIUM)

Muhammed Mumtaz Ali (IIUM)

Nadzrah Ahmad (IIUM)

Rahmah Bt. A. H. Osman (IIUM)

Sayed Sikandar Shah (IIUM)

Saidatolakma Mohd Yunus (IIUM)

Thameem Ushama (IIUM)

### **INTERNATIONAL MEMBERS**

Abdullah Khalil Al-Juburi (UAE)

Abu Bakr Rafique (Bangladesh)

Anis Ahmad (Pakistan)

Fikret Karcic (Bosnia)

Muhammad Al-Zuhayli (UAE)

Zafar Ishaque Ansari (Pakistan)

Articles submitted for publication in the *Journal of Islam in Asia* are subject to a process of peer review, in accordance with the normal academic practice.

© 2023 by *International Islamic University Malaysia*

*All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, translated, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without prior written permission of the publisher.*



E-ISSN: 2289-8077

# **Implementasi Kaedah Fiqah Berelemenkan Darurat dalam Perubatan: Analisis Fatwa Terpilih Jabatan Mufti Negeri Selangor**

## **The Implementation Of Fiqh Methods During Medical Emergencies: Analysis Of The Selected Fatwas Of The Selangor Mufti Department**

Mohammad Khairul Anuar Adnan\*, Ahmad Irdha Mokhtar,\*\* Mohd Al Adib Samuri\*\*\*

### **Abstrak**

Darurat adalah keterdesakan akibat sesuatu perkara yang tidak diingini. Dalam aspek fiqah, risiko, jangkaan, kemungkinan dan implikasi telah menyebabkan tindakan yang asalnya haram diberikan kelonggaran tertentu. Penulisan ini untuk menganalisis kaedah fiqah yang berelemenkan darurat dalam isu-isu perubatan menerusi pewartaan fatwa terpilih Jabatan Mufti Negeri Selangor Darul Ehsan. Penulisan ini mengguna pakai kajian kualitatif dengan merujuk kepada kitab-kitab yang relevan dengan perbincangan ini dan menggunakan kaedah analisis dokumen menerusi analisis kandungan sebagai kaedah pengumpulan data dan kaedah deskriptif sebagai metod analisis data dengan mengakses direktori fatwa Jabatan Mufti Negeri Selangor, di samping kertas-kertas penyelidikan dalam lingkungan perbincangan yang berkaitan. Dapatan menunjukkan bahawa penerapan kaedah fiqah berkaitan darurat dalam isu-isu perubatan yang difatwa adalah wujud tetapi tidak dijelaskan secara zahir disebabkan oleh persoalan yang diterima secara dasarnya bersifat umum dan telah pun dibincangkan oleh ilmuwan Fiqah. Walaupun tidak disebut secara jelas, tetapi hakikatnya selari dengan kaedah fiqah yang dibahaskan. Justeru, ulama fiqah menyusunnya, mengambil kira elemen darurat daripada al-Quran dan hadis. Menjadi

---

\* Institusi Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, e-mel: mkanuaradnan@gmail.com

\*\* Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

\*\*\* Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

## Implementasi Kaedah Fiqah Berelemenkan Darurat dalam 217 Perubatan: Analisis Fatwa Terpilih Jabatan Mufti Negeri Selangor

tanggungjawab umat Islam agar melakukan tindakan yang membawa kebaikan dan mengelakkan mudarat.

**Kata kunci:** Kaedah Fiqah, Darurat, Fiqah Perubatan, Fatwa, Jabatan Mufti Negeri Selangor.

### Abstract

Harm is an urgency due to something unwanted. In the aspect of Fiqh, risks, expectations, possibilities and implications have caused actions that were originally illegal to be given certain leeway. This writing is to analyze the Fiqh method that has an element of harm in medical issues through selected fatwas of the Jabatan Mufti Negeri Selangor Darul Ehsan. This writing uses qualitative research by referring to books that are relevant to this discussion and using the document analysis method through content analysis as a data collection method and the descriptive method as a data analysis method by accessing the Jabatan Mufti Negeri Selangor Darul Ehsan fatwa directory, in addition to the papers research in a related discussion environment. Findings show that the application of Qawaid Fiqhiyyah related to harm in fatwas for medical issues are exist but is not explained outwardly due to the general question and has already been discussed by Fiqh scholars. Although it is not mentioned clearly, but the fact is in line. Therefore, Shariah scholars compiled it, taking into account the emergency elements from the Quran and hadith. It is the responsibility of Muslims to do actions that bring good and avoid any risks and harm.

**Keywords:** Fiqh Methods, Emergency, Medical Fiqh, Fatwa, Selangor Mufti Department.

### Pendahuluan

Dalam sesebuah pentadbiran negara Islam, institusi fatwa menjadi antara institusi yang mempunyai elemen terpenting dan dalam kedudukannya yang tersendiri. Seiring peredaran masa, ditambah tahap kesedaran agama yang tinggi, umat Islam khususnya di Malaysia sering menjadikan insitusi fatwa sebagai nukleus rujukan akan segala permasalahan hukum syarak yang berlegar dalam pelbagai skala, lingkungan bidang dan tahap, baik mencakupi fiqah atau Syariah dalam pelbagai lapangan seperti ibadah, muamalat dan kewangan serta ekonomi, fatwa-fatwa yang melibatkan bidang sains dan teknologi serta perubatan juga turut menjadi perhatian untuk dibahaskan bagi memberi jawapan dan menjadi rujukan mereka. Secara tidak langsung, kemajuan keupayaan institusi fatwa di sebalik isu, konflik dan kemusykilan dalam hukum-hakam menjadikan masyarakat semakin peka dan terkehadapan

dengan keadaan semasa. Dalam erti kata lain, jika bertambah majunya sesebuah komuniti atau masyarakat, maka keupayaan insitisi fatwa akan menjadi semakin proaktif, sesuai dengan kapasitinya selaku medium utama yang sentiasa bereaksi terhadap respon isu-isu yang diutarakan dalam kalangan masyarakat Islam.

Sehubungan dengan itu, betapa tanggungjawab fatwa ini begitu berhubung kait dengan fungsi ijthihad oleh para mujtahid. Oleh itu, dengan berjalannya proses kajian, analisis dan penelitian yang dilaksanakan, maka barulah terbitnya sesebuah fatwa sepertimana yang dikehendaki (Naemah 2002). Mendepani situasi semakin maju dan kompleks yang menimbulkan pelbagai kemusykilan hukum, seseorang mufti akan menyelesaikan isu hukum yang diutarakan. Dalam konteks institusi fatwa di negara ini khususnya dalam proses istinbat hukum yang dilaksanakan, sama ada mufti sendiri atau hasil konsensus peribncangan jawatankuasa fatwa turut sama menekuni himpunan nukilan pandangan mazhab yang ditemukan dalam kitab-kitab masyhur dan muktabar seperti *Mughni al-Muhtaj*, *al-Iqna'* dan seumpama dengannya (Ahmad Hidayat 2004). Kaedah-kaedah fiqah menjadi sokongan kepada fatwa, lebih-lebih lagi jika perbahasannya melingkari persoalan *al-darurah*, *al-haajah* dan *al-maslahah* (Mat Saad 2007). Walaupun begitu, implementasi kaedah fiqah sebagai panduan penghasilan sesuatu fatwa yang diterbitkan oleh Jabatan Mufti Negeri Selangor adalah belum dapat kenalpasti setakat ini.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini merupakan kajian kualitatif di mana sumber maklumat yang diakses datang daripada nas al-Quran, matan hadis, kitab-kitab fiqah yang selari dengan tajuk penulisan, himpunan keputusan fatwa Negeri Selangor, artikel-artikel ilmiah, jurnal, laman sesawang dan lain-lain. Reka bentuk kajian menjurus kepada analisis dokumen sebagai landasan utama penulisan ini, seterusnya memilih kaedah analisis kandungan untuk mengumpul data-data yang telah dikumpul dan dikategorikan mengikut subtopik yang telah disenaraikan dengan fokus kepada persoalan darurat dari sudut konsep dan garis panduan, seterusnya menumpukan perhatian kepada implementasinya dalam isu-isu perbuatan yang digazetkan sebagai fatwa di negeri Selangor dan diperincikan menerusi analisis secara deskriptif melibatkan perincian

isu berbangkit yang dinyatakan dalam fatwa tersebut dan analisis kaedah fiqah tentangnya.

### **Kajian Literatur**

Kebanyakan isu semasa yang sedang berlaku banyak berkaitan dengan persoalan situasi darurat yang mengharuskan sesuatu hukum. Dalam usaha menyelesaikan konflik permasalahan yang berlaku, indikator dan status terhadap elemen darurat dan kesukaran yang berlaku dirujuk bagi menentukan hukum-hakam tentangnya. Antara kaedah fiqah yang dirumuskan oleh ulama berkaitan isu ini adalah seperti 'darurat mengharuskan sesuatu larangan', 'tidak boleh memudaratkan diri dan tidak boleh memudaratkan orang lain', 'mudarat itu dicegah seberapa yang mampu', 'mudarat itu dihilangkan semampu mungkin' dan 'mudarat tidak boleh dihilangkan dengan mudarat serupa atau lebih besar. Dalam erti kata lain, apa-apa yang diharuskan rentetan faktor darurat memiliki lingkungan hadnya yang telah ditetapkan (Muallimin et al. 2020).

Pandemik Coronavirus atau Covid-19 yang masih berlegar ketika ini menyaksikan betapa aplikasi kaedah fiqah 'tidak mudarat dan tidak memudaratkan' (لا ضرر ولا ضرار) dan beberapa cabang kaedah banyak membantu merungkai permasalahan dalam siri-siri pelaksanaan dan arahan semasa kerajaan sepanjang kawalan pandemik ini digerakkan, di samping menjadi penanda aras dalam soal perlindungan sendiri dan komuniti akibat ancaman virus ini. Mendedahkan diri kepada jangkitan Covid-19 ini boleh mengakibatkan mudarat kepada diri sendiri dan memindahkan virus kepada orang lain. Perkara ini adalah ditegah kerana mendedahkan diri kepada kematian akibat jangkitan virus ini. Arahan penjarakan fizikal ketika solat berjemaah di masjid dan surau seperti yang ditetapkan dalam tatacara operasi piawai (SOP) adalah bertepatan melalui kaedah ini. Impak penularan virus ini menjadi elemen mudarat yang wajib dihapuskan agar rangkaian penyebarannya dapat diputuskan. Jika tidak dibuat, dikhuatiri mengakibatkan kematian dalam kalangan rakyat (Musfirah & Azhan 2021).

Namun begitu, dalam persoalan autoriti kerajaan untuk mewajibkan vaksinasi kanak-kanak, Anuar et al. (2019) menyimpulkan bahawa Islam memberi ruang kepada pemerintah untuk memastikan

rakyat wajib mematuhi sesuatu polisi berprinsipkan masalah kepentingan umum. Dalam isu ini, ibu bapa boleh diwajibkan untuk memvaksin anak-anak mereka, melihatkan implikasi negatif dan risikonya, bukan sahaja kepada golongan kanak-kanak tetapi melibatkan melibatkan komuniti masyarakat sebagaimana kaedah fiqah ‘tindakan penguasa ke atas rakyat berpandukan masalah atau disebut ( تصرف الإمام على الرعية منوط بالمصلحة ). Selagi perkara itu dilingkungi kepatuhan syarak serta mendatangkan kemaslahatan dan mengelak kemudaratan dalam risiko penyebaran penyakit, maka tindakan pemerintah tersebut dibenarkan, seiring keperluan memelihara nyawa dalam neraca Maqasid Syariah (Fauzi et al. 2016).

Menekuni isu peranti perubatan halal lebih-lebih lagi aplikasi sutur yang termasuk dalam kategori haram sebagai keperluan perubatan dan menjadi tatacara amalan semasa pembedahan untuk menutup luka pesakit (Nur Farhani et al. 2017). Dalam situasi ini, bekas Mufti Wilayah Persekutuan dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri menyatakan aplikasi konsep darurat untuk membenarkan penggunaan peranti sutur katgut sekalipun kandungannya mengandungi najis, merujuk kepada kaedah fiqah ‘darurat mengharuskan tegahan dilakukan’ atau disebut ( الضرورات ). Tetapi keharusan ini terpakai jika ketiadaan alternatif lain dan memiliki had seperti yang dinyatakan dalam kaedah fiqah iaitu ‘apa yang diharuskan dalam perkara darurat hendaklah dibatasi mengikut kadar (yang sepatutnya)’ atau ( ما أبيع للضرورة تقدر بقدرها ).

Dalam dunia materniti, kaedah kelahiran secara *lotus birth* atau kelahiran dengan membiarkan tali pusat dibiarkan bersambung dengan bayi dengan dakwaan mewujudkan mengeratkan hubungan ibu dengan anak serta membekalkan nutrisi yang cukup dilihat memudaratkan berbanding *masalah*. Kaedah ini ditegah kerana kekhuatiran terdedah kepada jangkitan kuman, impak daripada faktor kebersihan. Malah, laporan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menyaksikan setiap tahun lebih kurang 500,000 kelahiran meninggal dunia kerana jangkitan bakteria dan salah satunya terkait tentang tali pusat yang diurus secara

**221**

**Implementasi Kaedah Fiqah Berelemenkan Darurat dalam  
Perubatan: Analisis Fatwa Terpilih Jabatan Mufti Negeri Selangor**

tidak steril. Merujuk faktor ini, memastikan usaha berpandukan kaedah fiqh ‘menghilangkan kemudaratan lebih utama berbanding masalah’ (درء المفاسد مقدم على جلب المصالح) kerana membiarkan tali pusat tidak dipotong akan membawa mudarat lebih besar adalah diperlukan (Siti Khatijah et al. 2018).

Dalam keharusan fatwa rawatan In-Vitro Fertilisation (IVF), isu-isu lain sampingan yang berhubungkait dengan prosedur rawatan turut diberikan perhatian. Dalam hal ini, Mansor et al. (2019) menyatakan bahawa kaedah *dharurah* lebih banyak digunakan, dibandingkan dalil al-Quran dan hadis, bahkan isu yang bersandarkan nas al-Quran dan hadis dalam peribncangan di atas juga masih berkisar dalam peribncangan berkenaan aspek *dharurah* itu sendiri seperti keperluan mandi wajib dan priskripsi ubat tidak halal. Dalam suatu hadis menyebutkan:

لا ضرر ولا ضرار

Maksudnya: *Tidak mudarat dan tidak memudaratkan*

(al-Muwatta'. *Kitab al-Aqdiyyah. bab al-Qadha' Fi al-Mirfaq*,  
Hadith No. 1461)

Peribncangan ini menunjukkan bahawa kebanyakan isu peribncangan bersifat pengecualian daripada hukum asal yang melonggarkan perkara yang sebaliknya dilakukan, misalnya privasi dalam menceritakan keaiban pasangan kepada doktor. Sekalipun hukum asalnya adalah haram untuk menceritakan kelemahan pasangan kepada orang lain, tetapi keperluan tertentu mengecualikannya daripada menutupnya. Oleh itu, dibenarkan untuk menceritakan perkara tersebut atas dasar untuk mengetahui kaedah rawatan yang sesuai untuk masalah yang berkenaan, merujuk kaedah fiqh ‘diambil mudarat yang lebih kecil berbanding mudarat yang lebih besar bagi mengelakkan mudarat yang lebih besar (ارتكاب أهون الضررين لتفويت أشدهما لدرء الضرر العام).

Dalam bidang yang sama, kes-kes kehamilan berisiko dan komplikasi semasa proses bersalin, nyawa ibu dan janin perlu diutamakan berbanding dengan perkara-perkara lain. Sekiranya pakar melihat sesuatu prosedur terpaksa dilakukan sekalipun bercanggah



dengan syarak, maka itu menjadi suatu kemestian agar nyawa ibu dan anak yang bakal dilahirkan terselamat kerana haram menjebakkan diri kepada keibnasaan. Daripada ini, rukhsah berfungsi untuk memudahkan selari dengan kaedah fiqah 'darurat mengharuskan tegahan atau (الضرورات تبيح المحظورات) untuk melakukan perkara yang ditegah sekadarnya agar kemudaratan dihindarkan (Siti Khatijah et al. 2013).

Naqib et al. (2016) dalam analisis berdasarkan parameter Maqasid Syariah tentang pembedahan plastik dan rekonstruktif, terdapat pelbagai hukum berdasarkan parameter tersebut sama ada *daruriyyat*, *hajiyyat* ataupun *tahsiniyyat*. Pembedahan *tahsiniyyat* dapat dibahagikan kepada dua; mengubah kondisi cacat kepada normal dan untuk kecantikan tubuh semata-mata. Kebiasaannya, pembedahan jenis pertama adalah untuk menambah keyakinan akibat kesan kecacatan pada tubuhnya. Oleh sebab itu, faktor keyakinan diri yang hilang dikhuatiri boleh memudaratkan seseorang dan berhubungkait dengan salah satu kaedah fiqah bermaksud *setiap mudarat perlu dihilangkan* (الضرر يزال), meliputi fizikal dan mental.

Selain itu, kaedah pembedahan klef orofasial atau sumibng seterusnya adalah diharuskan mengikut prinsip asas fiqah dengan bertujuan bukan untuk sekadar mencantikkan, tetapi lebih kepada pemulihan kecacatan dan menghidupkan semula fungsinya secara normal. Matlamat ini dapat menghapuskan apa-apa kesukaran dan tujuan pembedahan ini juga dilaksanakan sekadar memadai untuk membuang kecacatan kepada keadaan normal mengikut kaedah 'perkara darurat dilakukan sekadarnya' (الضرورة تقدر بقدرها). Sekiranya didapati melangkaui tujuan asal, maka alternatif pembedahan adalah sama sekali ditegah (Fattah et al. 2015).

Kesimpulannya, kaedah fiqah berelemenkan darurat yang ditunjukkan dalam kajian-kajian lepas telah berjaya membuktikan aplikasinya berdasarkan situasi dan perincian serta kriteria dan penanda aras terhadap masalah yang membolehkan kaedah fiqah tersebut digunapakai. Oleh itu, kajian ini akan memberikan ruang dan menjelaskan tentang implementasi kaedah fiqah berelemenkan darurat

dalam perubatan, khususnya merujuk kepada analisis fatwa terpilih Jabatan Mufti Negeri Selangor.

### **Konsep dan Garis Panduan Darurat Menurut Syarak**

Darurat atau *al-darurah* dalam bahasa Arab berasal dari perkataan *al-darar* yang bermaksud musibah yang tidak dapat dielak (al-Jurjani t.t.), antonim atau berlawanan dengannya adalah *al-nafu* (manfaat). Jadi, *al-dar* adalah lawan kepada manfaat iaitu sesuatu yang tidak elok (Ibn Manzur t.t.). Ulama klasik semisal al-Nawawi dan ulama kontemporari seperti Dr. Wahbah al-Zuhayli mentafsirkan darurat ini dengan mengaitkannya melalui hal-hal yang akan membahayakan nyawa sekiranya alternatif mengambil atau memakan benda yang haram tidak diambil. Dalam perkara ini, kebinasaan tersebut merujuk kepada nyawa ataupun fizikal anggota badan (Siti Khatijah et al. 2016). Namun huraian umum tentang darurat tanpa sebarang hubungkait kepada mudarat yang berlaku kerana tidak memakan benda yang diharamkan seperti yang dinyatakan oleh fuqaha mazhab Maliki kerana rasa kebimbangan jika berlaku kebinasaan diri secara pasti atau *zann* atau khuatir akan risiko maut yang menimpa. Ketakutan itu saja sudah dianggap memadai kepada seseorang itu dikategorikan dalam situasi darurat (Muhammad 2009).

Perkara *daruriyyat* yang diulas oleh al-Qaradawi (2002) pula bererti sesuatu keperluan mendesak dan apa sahaja yang mesti diperlukan. Pemahaman terhadap keadaan yang mendesak ini adalah apabila pengabaian kepada perkara melibatkan *al-daruriyyat* bukan sahaja menyebabkan *maslahah* manusia tidak berjaya disempurnakan, bahkan dikhuatiri akan membinasakan mereka pula (Nasr Farid 1980). Menerusi kedua-dua pengertian di atas, dapatlah difahami bahawa definisi tentang *al-daruriyyat* bermaksud perkara yang mutlak diperlukan untuk kehidupan manusia (Mustafa 2002). Perkara ini juga sangat penting untuk menegakkan *maslahah* agama dan dunia yang mana merupakan sesuatu yang kita tidak boleh hidup tanpanya. Hal ini kerana ketiadaannya akan menyebabkan kebinasaan dan luputnya kenikmatan dan kejayaan dalam kehidupan serta dikategorikan sebagai seorang yang rugi (al-Shatibi 2012).

Keadaan ini diatasi dengan memelihara lima perkara yang menjadi Maqasid atau objektif Syariah iaitu memelihara agama, nyawa,

akal, dan harta (Siti Khatijah et al. 2016). Jelasnya perkara *daruriyyat* ini merupakan perkara yang mesti dipelihara dan situasi darurat pula adalah keadaan terdesak sehinggakan kegagalan menanganinya boleh membawa kepada gagal mencapai perkara *daruriyyat*. Sehubungan dengan itu, lahirlah kaedah-kaedah yang menjadi panduan ketika berhadapan dengan situasi darurat ini.

Konsep *al-darurah tu'khazu biqadariha* merupakan salah satu garis panduan kepada pengambilan kaedah *al-darurah tubih al-mahzurah* yang memberi kelonggaran (*rukhsah*) kepada *mukallaf* dalam melaksanakan syariat yang diturunkan ke atas mereka. Kaedah ini merupakan cabang kepada salah satu kaedah yang penting dalam kaedah *fiqh* iaitu *al-darar yuzal* (kemudaratan dihilangkan). Kaedah ini dan cabang-cabangnya membawa kepada terhasilnya Maqasid Syariah (al-Nadwi 2004). Hal ini berlaku apabila kemaslahatan terpelihara dengan mengangkat segala kemudaratan melalui kebenaran melakukan perkara yang ditegah ketika terdesak yang mana boleh memudaratkan *mukallaf*. Keanjalan hukum ini menunjukkan kepada rahmat kepada umat dalam memastikan syariat dapat dilaksanakan dan mencapai Maqasid Syariah. Konsep yang menetapkan pengambilan hukum darurat mengikut kadar yang diperlukan sahaja adalah berdasarkan kepada firman Allah SWT:

إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ وَالدَّمَ وَحُوتَ الْخِنْزِيرِ وَمَا أُهْلَ بِهِ لِغَيْرِ اللَّهِ فَمَنْ اضْطُرَّ  
غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ ۚ إِنَّ اللَّهَ عَفُورٌ رَحِيمٌ

*“Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan bagimu bangkai, darah, daging babi, dan ibnatang yang (ketika disembelih) disebut (nama) selain Allah [108]. Tetapi barang siapa dalam keadaan terpaksa (memakannya) sedang dia tidak menginginkannya dan tidak (pula) melampaui batas, maka tidak ada dosa baginya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.”*

(Surah al-Baqarah: 173)

**225**

**Implementasi Kaedah Fiqah Berelemenkan Darurat dalam  
Perubatan: Analisis Fatwa Terpilih Jabatan Mufti Negeri Selangor**

Selain daripada ayat di atas terdapat beberapa ayat lain yang menerangkan tentang prinsip yang sama seperti ayat berikut iaitu:

قُلْ لَا أُجِدُ فِي مَا أُوحِيَ إِلَيَّ مُحَرَّمًا عَلَى طَاعِمٍ يَطْعَمُهُ، إِلَّا أَنْ يَكُونَ مَيْتَةً أَوْ  
خَنِزِيرًا فَإِنَّهُ رِجْسٌ أَوْ فِسْقًا أُهْلًا لِعَيِّرٍ اللَّهُ بِهِ، فَمَنْ دَمًا مَسْفُوحًا أَوْ لَحْمَ  
أَضْطَرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَإِنَّ رَبَّكَ غَفُورٌ رَحِيمٌ

*“Katakanlah: Tiadalah aku peroleh dalam wahyu yang diwahyukan kepadaku, sesuatu yang diharamkan bagi orang yang hendak memakannya, kecuali kalau makanan itu bangkai, atau darah yang mengalir atau daging babi, kerana sesungguhnya semua itu kotor, atau binatang yang disembelih atas nama selain Allah. Barangsiapa yang dalam keadaan terpaksa, sedang dia tidak menginginkannya dan tidak (pula) melampaui batas, maka Sesungguhnya Tuhanmu Maha Pengampun lagi Maha Penyayang”.*

(Surah al-An‘am: 145)

إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ وَالدَّمَ وَلَحْمَ الْخَنِزِيرِ وَمَا أُهْلًا لِعَيِّرٍ اللَّهُ بِهِ، فَمَنْ اضْطُرَّ  
غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ

*“Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan ke atasmu (memakan) bangkai, darah, daging babi dan apa yang disembelih dengan menyebut nama selain Allah; tetapi barangsiapa yang terpaksa memakannya dengan tidak menganiaya dan tidak pula melampaui batas, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.”*

(Surah al-Nahl: 115)

Dalam ketiga-tiga ayat tersebut, ungkapan *ولا عاد* dalam ketiga-tiga ayat di atas dimaksudkan iaitu tidak melepasi had darurat. Had yang dimaksudkan berlaku jika telah melebihi kadar yang sepatutnya dalam situasi darurat yang berlaku. Dengan itu, tidak dibolehkan secara sebarangan mengambil atau melakukan perkara yang diharamkan

sewenang-wenangnya, tetapi cukup berkadarannya yang mampu menghilangkan situasi darurat tersebut (Basri & Wan Mohd Yusof 2012).

Sebagai contoh, seorang perawat dilarang melihat aurat pesakit selain kawasan yang diperlukan bagi tujuan rawatan. Secara asas, faktor yang mendesak, sukar dan sempit memberikan ruang seseorang mukalaf memilih hukum yang memberi kelonggaran bagi menyelesaikan situasi tersebut. Justifikasi bagi tindakan ini adalah berdasarkan kepada konsep syariat yang diturunkan untuk dilaksanakan bagi merealisasikan objektifnya. Namun kesukaran dalam melaksanakannya menjadikan syariat tadi tidak dapat dilakukan dan tidak mencapai Maqasid Syariah. Justeru, keharusan mengambil perkara yang diharamkan ketika darurat menjadi jalan keluar kepada kejayaan melaksanakan taklif syarak. Kebenaran mengambil hukum darurat ini pula dibatasi dengan kaedah yang menetapkan ianya boleh diambil sekadar hanya dapat menghilangkan situasi darurat tersebut sahaja tanpa melampaui keperluan tersebut (Wahbah t.t.)

Apabila hilangnya situasi darurat, maka kelonggaran hukum itu tidak terpakai dan tertakluk semula kepada hukum asal seperti yang dinyatakan dalam kaedah (إذا زال المانع عاد الممنوع) yang bermakna apabila perkara yang menjadi halangan hilang, kembali semula perkara yang dihalang pada hukum asal. Situasi sebegini banyak terjadi dalam perubatan dan ulama mempunyai pendekatan yang sama apabila isu darurat terjadi semasa prosedur perubatan dilakukan. Dalam rawatan materniti, isu ini lebih dominan kerana melibatkan yang lebih besar seperti payu dara, bawah abdomen dan perineum (Siti Khatijah et al. 2016).

### **Analisis Kaedah Fiqh Fatwa Perubatan Terpilih Jabatan Mufti Negeri Selangor**

#### **a) Eutanasia Atau Mercy Killing (2012)**

Jawatankuasa Fatwa di bawah Seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 bertarikh 20 Disember 2012 memutuskan bahawa:

- i) Haram melaksanakan Eutanasia atau Mercy Killing kerana berusaha mempercepatkan kematian dengan

**Implementasi Kaedah Fiqah Berelemenkan Darurat dalam 227**  
**Perubatan: Analisis Fatwa Terpilih Jabatan Mufti Negeri Selangor**

memberhentikan rawatan atau mengambil ubat-ubatan pada dos yang berlebihan untuk menghentikan hayat adalah perbuatan membunuh. Perbuatan membunuh adalah perbuatan yang berlawanan kehendak Allah SWT dan merampas hak-Nya;

- ii) Tugas seorang doktor adalah menolong pesakit dalam perkara kebaikan. Membantu mempercepatkan kematian tidak termasuk dalam perkara kebaikan tetapi tergolong dalam perkara yang mendatangkan keburukan dan dosa; dan
- iii) Dalam kaedah perubatan, mati otak (brain death) adalah dianggap sebagai mati. Justeru, harus memberhentikan rawatan bantuan sokongan dengan persetujuan waris-waris terdekat contohnya penggunaan mesin ventilator selepas disahkan oleh dua orang pakar perubatan Muslim yang tidak terlibat dalam urusan pendermaan organ.

Dalam hal yang sama diutarakan semasa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-97 yang bersidang pada 15-17 Disember 2011 sebelumnya, menghentikan hayat hidup pesakit sebelum disahkan mati dengan menggunakan apa-apa cara dan bersandarkan kepada apa-apa alasan adalah haram dan dilarang oleh Islam. Sehubungan itu, Muzakarah memutuskan bahawa perbuatan mempercepatkan kematian melalui amalan Euthanasia (sama ada Euthanasia Voluntary, Non-Voluntary atau Involuntary) atau Mercy Killing adalah haram menurut Islam kerana menyamai perbuatan membunuh dan bertentangan dengan etika perubatan di Malaysia (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia 2015).

Tanggungjawab seorang doktor ialah membantu pesakit dalam perkara kebaikan. Oleh itu, membantu mempercepatkan kematian tidak dikira melakukan perkara kebaikan tetapi termasuk dalam larangan dan mendatangkan dosa. Walau bagaimanapun, seandainya pakar perubatan berjaya membuktikan jantung dan/atau otak pesakit tidak berfungsi mengikut kadar normal dan pesakit disahkan tiada harapan yang tersisa untuk hidup kerana semata-mata bergantung kepada sokongan pernafasan, maka menghentikannya adalah

dibenarkan oleh Islam disebabkan telah disahkan mati oleh pakar perubatan dan sebarang rawatan tidak lagi diperlukan. Dalam situasi kes lain, pakar perubatan telah mengesahkan tiada lagi peluang untuk pesakit terus bertahan dan dibawa pulang dengan hanya memberi rawatan sokongan atau *conventional treatment* adalah dibenarkan kerana tidak termasuk amalan Euthanasia atau Mercy Killing.

Dalam isu pengharaman ini, kaedah fiqah yang sesuai untuk diaplikasikan adalah 'kemudaratan tidak boleh dihilangkan dengan kemudaratan' (الضرر لا يزال بالضرر). Kaedah ini juga bermaksud apa sahaja perkara yang mendatangkan bahaya sama sekali tidak boleh dihilangkan dengan bahaya juga. Biarpun bahaya itu mesti dihilangkan, namun bukanlah dengan cara menimbulkan bahaya seperti itu atau yang sama dengannya, apatah lagi jika lahir bahaya yang lebih besar (an-Nadwi 1998). Kaedah ini juga dapat difahami bahawa dalam sesuatu perkara jika kemudaratan telah berlaku, maka tidak boleh dihilangkan dengan mewujudkan kemudaratan baru yang lain yang setara dengan kemudaratan pertama, terlebih utama lagi kemudaratan baharu yang bersifat lebih kritikal. Amalan dalam fiqah perubatan dapat dilihat dalam proses rawatan, iaitu pengamal perubatan dilarang sama sekali menghapuskan kemudaratan pesakit dengan menghasilkan implikasi baharu dengan tahap kemudaratan yang sama dengan kemudaratan sebelumnya, bahkan lebih berisiko membawa kemudaratan yang lebih besar (al-Matrudi 2008).

Walau bagaimanapun, jika alat tersebut digunakan untuk tujuan lain, misalnya mengeluarkan bendalir untuk memudahkan pernafasan, maka memberhentikannya adalah tidak dibenarkan. Sesetengah kes menyaksikan pesakit perlu berdepan dengan dua pilihan, sama ada meneruskan rawatan sekalipun merisikokan diri kepada kematian atau kekal menanggung kesakitan, Muzakarah juga berpendirian bahawa harus memberikan rawatan/ubat-ubatan kepada pesakit walaupun ada kemungkinan risiko terhadap nyawa pesakit sebagaimana

**Implementasi Kaedah Fiqah Berelemenkan Darurat dalam** **229**  
**Perubatan: Analisis Fatwa Terpilih Jabatan Mufti Negeri Selangor**

kaedah fiqah 'darurat membolehkan larangan dilakukan' (الضرورات تبيح المحظورات).

Oleh itu, amalan yang dinamakan antaranya Eutanasia Indirect atau Double-Effect Medication boleh dilaksanakan menurut pandangan syarak bagi memastikan kesengsaraan yang dihadapi pesakit dapat dikawal dan pelaksanaannya tidak langsung bertujuan untuk mempercepatkan kematian. Dalam kaedah perubatan, mati otak atau *brain death* dikira sebagai kematian dan apabila disahkan oleh pakar, tersabitlah semua hukum berkaitan kematian sebagaimana ketetapan syarak. Justeru, apabila waris bersetuju, rawatan sokongan tersebut harus untuk diberhentikan dengan syarat pengesahan dua orang pakar perubatan yang tidak terlibat dalam urusan pendermaan organ babi (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia 2015).

Antara isu lain yang turut mengambil kaedah ini sebagai pertimbangan adalah seperti:

- i) Situasi tidak boleh mencabut alat sokongan perubatan daripada seseorang pesakit dengan tujuan untuk digunakan oleh pesakit lain;
- ii) Tidak memberikan preskripsi ubat yang memudaratkan setara atau lebih teruk daripada kesakitan penyakit asal (al-Sa'idan t.t.); dan
- iii) Pengamal perubatan juga tidak boleh memberikan ubat yang mengandungi kandungan haram seperti najis. Keputusan Muzakarah Fatwa Kebangsaan juga antara lain telah menetapkan beberapa keputusan pengharaman serupa dalam ubat-ubatan seperti suntikan *botulinum toxin type A-botox*, vaksin Biothrax dan Rotateq, ubat *claxane* dan *fraxiparine* dan kanta *implantable collamer lens* (ICL) untuk rawatan mata kerana elemen kandungannya daripada babi (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia 2015).



***b) Menubuhkan Bank Susu Ibu di Malaysia (2012)***

Berpandukan ketetapan Jawatankuasa Fatwa di bawah Seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 bertarikh 20 Disember 2012, fatwa telah menyatakan tentang hukum penubuhan bank susu ibu adalah tidak diharuskan kerana:

- i) Penubuhan bank susu boleh mengakibatkan percampuran nasab dan membawa umat Islam terjebak dalam keraguan dan perkara yang haram; dan
- ii) Keperluan penubuhannya juga tidak berada dalam keadaan darurat sehingga mengancam masalah awam.

Hukum penubuhan bank susu amat berkait rapat dengan syarat-syarat pengharaman atas sebab susuan di mana bayi-bayi yang menyusu dengan seorang wanita atau lebih daripada seorang wanita akan menjadi adik beradik susuan dan perkahwinan antara mereka adalah haram apabila memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Pandangan ini adalah selaras dengan pandangan jumhur fuqaha bahawa seseorang bayi itu sah sebagai anak susuan sama ada melalui penyusuan secara langsung dari payudara atau penyusuan secara tidak langsung dan ini menjadi rangkuman resolusi yang disepakati semasa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-97 yang bersidang pada 15-17 Disember 2011 yang membincangkan isu ini. Hadis riwayat Abu Dawud menyatakan:

لا رضاع إلا ما شد العظم وأنبت اللحم

Maksudnya: *Daripada Ibn Mas'ud berkata, tidak berlaku hukum penyusuan melainkan dengan apa yang menguatkan tulang dan menumbuhkan daging.*

Sehubungan itu, memandangkan penubuhan bank susu boleh mengakibatkan percampuran nasab dan membawa umat Islam terjebak dalam keraguan dan perkara yang haram, dan keperluan penubuhannya juga tidak berada dalam keadaan darurat sehingga mengancam masalah awam, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa penubuhan bank susu adalah tidak diharuskan. Muzakarah juga memutuskan bahawa bagi memenuhi keperluan bayi pra-matang

**231**

**Implementasi Kaedah Fiqah Berelemenkan Darurat dalam  
Perubatan: Analisis Fatwa Terpilih Jabatan Mufti Negeri Selangor**

yang memerlukan rawatan, juga ibu yang mempunyai kekurangan susu atau mempunyai penyakit kronik/berjangkit dan tidak dapat menyusukan bayi, adalah harus bagi ibu-ibu menderma susu ibu secara sukarela kepada bayi-bayi yang memerlukan dan keluarga bayi serta perderma perlu mengenali antara satu sama lain (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia 2015).

Dalam isu ini, penekanan terhadap kaedah fiqah diperlukan dalam menimbang tara penubuhan bank susu ini. Namun demikian, fatwa pengharaman dalam perkara ini mengambil kira kaedah fiqah iaitu 'menghindari kerosakan didahulukan daripada mengambil kebaikan' (درء المفساد مقدم على جلب المصالح). Kaedah ini membawa maksud apabila bertembung antara perkara yang membawa kemaslahatan dengan perkara yang membawa kerosakan atau bahaya, pelaksanaannya hendaklah diarahkan kepada mencegah kemudaratan. Antara lain, keadah tersebut bermaksud, sekiranya ada pertentangan atau pertembungan antara kebaikan dengan kerosakan, usaha mencegah kerosakan lebih diberikan keutamaan daripada usaha untuk mendapat kebaikan yang cuma sedikit (Abd Latif & Rosmawati 2000).

Dalam pada itu, al-Matrudi (2008) menjelaskan, jika terdapat tindakan yang menjurus kepada pertembungan antara kemudaratan dengan kemaslahatan, maka keutamaannya adalah memastikan agar dielakkan sebarang kemudaratan walaupun menghilangkan kemaslahatan. Elemen sama ada kemudaratan atau kemaslahatan perlu dikenalpasti dalam segalan tindakan yang diambil. Senarionya adalah, jika kemudaratan lebih dominan, maka perlulah dijauhi. Dalam konteks perubatan, jika rawatan itu berupaya membuahkan kemaslahatan yang lebih dominan kepada pesakit, tiada masalah jika rawatan itu dilaksanakan. Sebaliknya, jika rawatan itu memenuhi kemaslahatan pesakit, pada masa yang sama implikasi negatif lebih terserlah, maka hendaklah sama sekali dielak atau dihentikan. Antara isu lain yang turut mengambil kaedah ini sebagai pertimbangan adalah seperti (Arieff et al. 2019):

- i) Menghalang apa-apa risiko rawatan yang memudaratkan seperti tindakan pengharaman bank air mani;

- ii) Pembedahan penukaran jantina atau untuk kecantikan;
- iii) Pengklonan manusia;
- iv) Pendermaan jasad si mati untuk tujuan penyelidikan; dan
- v) Pendermaan rahim.

Walaupun sains perubatan melihatnya sebagai solusi terbaik, tetapi hakikatnya terpalit dengan elemen diharamkan syarak. Malah setiap perkara yang diharamkan oleh syarak lebih besar kemudaratanya, sekalipun kemungkinan wujudnya masalah masih ada.

**c) Menggunakan Rawatan Terapi Larva (*Maggot Debridement Therapy*) Bagi Pesakit Luka Kronik (2013)**

Berpandukan ketetapan Jawatankuasa Fatwa di bawah Seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 bertarikh 7 Oktober 2013, fatwa telah menyatakan bahawa:

- i) Harus menggunakan Rawatan Terapi Larva (*Maggot Debridement Therapy*) bagi Pesakit Luka Kronik
- ii) Sah ibadah solat yang dilakukan oleh pesakit ketika menjalani rawatan terapi ini mengikut Panduan Melaksanakan Ibadat Bagi Pesakit.

Hasil Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-98 yang bersidang pada 13-15 Februari 2012, setelah meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah menegaskan bahawa Islam tidak pernah melarang bahkan menggalakkan umat Islam mencari penawar kepada penyakit yang dialami sepertimana sabda Rasulullah SAW ketika ditanya oleh para sahabat:

قالوا يا رسول الله هل علينا أن ننداوى فقال تداووا عباد الله فإن الله لم ينزل داء إلا وقد أنزل له دواء وقال مرة شفاء إلا الهرم

Maksudnya: Para sahabat bertanya: "Wahai Rasulullah, adakah berdosa jika kami tidak merawat (penyakit kami)?" Rasulullah bersabda, "Dapatkanlah rawatan wahai hamba-hamba Allah! Sesungguhnya Allah Yang Maha Suci tidak menjadikan sesuatu penyakit melainkan dijadikan bersama-samanya penawar, melainkan penyakit tua".

Penegasan ini juga telah dirumuskan dalam satu kaedah fiqah yang menyebutkan tentang 'kemudharatan perlu dihilangkan' (الضرر يزال). Muzakarah berpandangan bahawa asal sesuatu haiwan itu adalah suci melainkan babi dan anjing yang jelas hukumnya najis. Kaedah fiqah menyebut 'hukum asal dalam semua perkara (kecuali ibadat dan hubungan lelaki dan perempuan) adalah harus dilakukan kecuali terdapat dalil yang menyatakannya sebagai haram' (الأصل في الأشياء (الإباحة حتى يدل الدليل على التحريم).

Hukum bagi bangkai haiwan yang tidak mempunyai darah adalah suci, bermaksud sekiranya larva yang digunakan semasa rawatan dijalankan itu mati, maka hukumnya suci kerana tubuh larva itu sendiri tidak mengandungi darah, sekaligus tidak merosakkan kesucian ibadah seseorang pesakit itu. Justeru, hukum menggunakan Rawatan Terapi Larva (*Maggot Debridement Therapy*) bagi pesakit luka kronik adalah harus dan ibadah yang dilakukan oleh pesakit terutamanya solat ketika menjalani rawatan terapi ini dikira sah. Pesakit luka kronik yang menjalani rawatan ini juga dibolehkan bertayammum untuk mengangkat hadas besar atau hadas kecil bagi mengelakkan mudarat jika terkena air pada anggota yang sakit (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia 2015). Antara isu perubatan lain yang turut mengambil kaedah ini adalah seperti:

- i) Kewajipan pengamal perubatan berusaha semampunya memberikan solusi bagi menghilangkan kemudharatan daripada pesakit dalam bentuk konsultasi dan preskripsi ubat yang munasabah (al-Matrudi 2008);
- ii) Meminimumkan interaksi antara pesakit dan pengamal perubatan berlainan jantina kerana risiko auratnya yang terdedah kepada perawat berlainan jantina dikira satu kemudharatan, maka wajib dihapuskan yang memerlukan pihak kerajaan menilai semula sumber manusia khususnya dalam bidang pakar sakit puan dan sakit tuan (al-Sa'idan t.t); dan
- iii) Isu tentang kos perubatan yang mahal kerana faktor dualiti kos dan kualiti perubatan (Arieff et al. 2019).

***d) Menggunakan DNA Untuk Menentukan Status Nasab Anak (2014)***

Sejak tahun 1951, James Watson yang merupakan seorang pakar genetik dan Francis Crick yang merupakan ahli fizik berkolaboratif mengumpul informasi tentang struktur DNA. Kedua-dua mereka menyatakan gambaran suatu kod didapati pada urutan bes kimia pada molekul DNA dan sel perlu mentafsirkan dan menggunakannya sebagai panduan kepada penghasilan protein. DNA merupakan molekul kompleks yang ditemui dalam seluruh hidupan yang melakukan banyak tugas termasuklah membawa bahan ke seluruh tubuh dan pelindung daripada jangkitan, di samping memastikan pergerakan otot dan maklumat dapat dihantar oleh saraf. Protein pula memastikan tindak balas kimia yang berlaku dalam sel hidup dapat dikawal menerusi komponen yang dipanggil enzim.

Memasuki 1984, teknik menghasilkan profil DNA pula dikembangkan oleh Alec Jeffreys di Universiti Leicester. Beliau yang juga seorang ahli sains British mengenal pasti dan memadankan urutan pendek DNA yang unik. Hasilnya, kesan darah atau sel kulit yang ditemui di lokasi sesuatu kes jenayah boleh digunakan untuk mengesan identiti individu dalam kes itu (Robert Snedden 1995). Pakar dalam undang-undang dan sains di Malaysia juga mengiktiraf ujian DNA dalam penentuan identiti mana-mana individu, di samping menjadi pengesah hubungan biologi antara si bapa dan si anak dipanggil ujian paterniti. Kebiasaannya ujian ini mengabsahkan atau menolak status hubungan biologi si bapa kepada si anak itu dan sangat diyakini bahkan berskala pantas serta berpatutan kosnya dengan nilai ketepatan mencecah 99.9999%. Ujian ini juga boleh dilaksanakan kepada individu tanpa mengira usia (Jabatan Kimia Malaysia 2016).

Meneliti relevansi ujian DNA ini, satu ketetapan telah ditentukan oleh Jawatankuasa Fatwa di bawah Seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 bertarikh 17 Julai 2014 yang bersetuju sepertimana dinyatakan pada poin ketiga berbunyi:

**Implementasi Kaedah Fiqah Berelemenkan Darurat dalam** **235**  
**Perubatan: Analisis Fatwa Terpilih Jabatan Mufti Negeri Selangor**

*“3. Tempoh segera bagi seseorang bapa yang hendak melakukan li’an bagi menafikan nasab anaknya adalah bermula dari tarikh isterinya disahkan mengandung sehinggalah tiga (3) hari selepas bersalin. Penafian setelah tempoh munasabah tersebut adalah tertolak dan anak tersebut adalah sah dan sabit sebagai anaknya.”*

Hal ini bermaksud bahawa pemilikan sesuatu hak oleh seseorang seperti lelaki yang ingin menafikan anak akan tertolak jika syarat-syarat itu gagal dipenuhi. Dalam ungkapan lain, secara automatik kegagalan untuk hadir pada tempoh yang ditetapkan akan menggugurkan hak untuk penafian dan ditambah dengan pernyataan berikut:

*“4. Mesyuarat memutuskan supaya garis panduan untuk menjalankan ujian DNA oleh pihak berkuasa berkaitan hendaklah diperketatkan lebih-lebih lagi dalam isu untuk menafikan nasab kerana DNA hanya sekadar qarinah atau sokongan semata-mata dan tidak boleh dijadikan bukti utama.”*

Keputusan tersebut adalah bertepatan dengan kaedah fiqah ‘kemudaratan itu dielakkan dengan semampunya’ (الضرر يدفع بقدر الإمكان). Kaedah ini menjelaskan tindakan yang perlu diambil sebelum berlakunya apa-apa kemudaratan. Asasnya, penyakit adalah antara perkara yang mudarat dan memudaratkan. Disebabkan hal demikian, tindakan perlu diambil bagi menghalang penyakit itu daripada merebak kepada masyarakat (al-Matrudi 2008). Kaedah ini juga memberi kefahaman bahawa dalam lingkungan sebarang kemungkinan, kemudaratan harus dihindarkan dan secara tersirat menunjukkan bahawa terdapatnya kewajipan untuk menghindarkan daripada terjadinya sesuatu kemudaratan dan usaha-usaha ke arahnya perlu dilaksanakan sesegera mungkin sebagai langkah terbaik. Isu-isu lain yang memilih kaedah fiqah serupa untuk digunapakai antaranya seperti:

- i) Langkah mengkuarantin pesakit bagi mengelakkan penyakit merebak dan berjangkit kepada orang lain (al-Sa’idan t.t.);
- ii) Tindakan menyekat dan melupuskan ubat-ubatan yang tidak berdaftar dengan Kementerian Kesihatan supaya pengguna dalam kalangan masyarakat tidak ditimpa mudarat dan

musibah serta langkah membunuh ibnatang yang berisiko menjadi ejen penyebar virus penyakit seperti selsema burung (al-Matrudi 2008); dan

- iii) Melakukan proses pensterilan instrumen dan peranti perubatan (al-Matrudi 2008).

### **Kesimpulan**

Kaedah fiqah menjadi instrumen penting dalam menganalisis dan mengistinbat hukum-hukum dalam pelbagai isu semasa berkaitan dunia perubatan yang menjadi panduan penting kepada pengamal perubatan dan pesakit. Dalam beberapa situasi, dapat dilihat peranan Jabatan Mufti Negeri Selangor telah membentangkan ketetapan fatwa dalam isu-isu perubatan terpilih yang menjadi kemusykilan awam dan memerlukan pencerahan segera. Namun begitu, hukum tersebut tidak dapat dilaksanakan sekiranya tidak dilakukan sebarang analisis dan penelitian, seterusnya dirumuskan sebagai suatu ketetapan yang diterjemahkan kepada hukum dan fatwa. Dalam soal ini, elemen darurat dalam isu-isu perubatan dapat dilihat sebagai bukti kepada implementasi kepada kaedah fiqah yang berkaitan secara langsung dalam konteks tersebut, baik dari segi rawatan, peralatan dan faktor dan situasi tertentu melibatkan pengamal dan pesakit itu sendiri. Oleh itu, sewajarnya umat Islam khususnya di Selangor perlu mengambil peranan menjadikannya sebagai panduan penting dalam kehidupan dengan menjadikan institusi fatwa di negeri ini khususnya di seluruh negeri amnya sebagai rujukan utama yang diyakini dan dipercayai agar pengamalan hidup Islam dapat diaplikasikan sepenuhnya dan sebaiknya.

### **BIBLIOGRAFI**

Abd. Jalil Borham. (2002). Pengantar Perundangan Islam. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

Abd. Latif Muda dan Rosmawati Ali. (2000). Perbahasan Kaedah-Kaedah Fiqah. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn.Bhd.

Abi Ishaq al-Shatibi. (2012). *al-Muwafaqat*. j.2. Qahirah: al-Maktabah al-Tawfiqiyyah, 272.

**237**

**Implementasi Kaedah Fiqah Berelemenkan Darurat dalam  
Perubatan: Analisis Fatwa Terpilih Jabatan Mufti Negeri Selangor**

Ade Dedi Rohayana. (2008). Ilmu Qawa'id Fiqahiyyah Kaidah-Kaidah Hukum Islam. Jakarta: Gaya Media Pratama.

Ahmad Hidayat Buang. (t.t.). Fatwa di Malaysia. (t.p.), 106.

Ahmad Hidayat Buang. (2004). *Penyediaan dan pengeluaran Fatwa: fatwa di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-Undang, 124.

Al-Matrudi, Ali ibn Abd al-Aziz ibn Ibrahim. (2008). *Tatbiq al-Qawa'id al-Fiqahiyyah ala al-Masa'il al-Tibbiyyah*.

Al-Sa'idan, Walid ibn Rashid (t.t.). *al-Ifadah al-Syar'iyah fi Ba'd al-Masa'il al-Tibbiyyah*.

Al-Zarqa', Ahmad Muhammad. (2001). *Syarh al-Qawa'id al-Fiqahiyyah li Mustafa Ahmad Al-Zarqa'*. Damsyik: Dar al-Qalam, 33.

Ali Ahmad al-Nadawi. (2004). *al-Qawa'id al-Fiqhiyyah* (Damshiq: Dar al-Qalam, 287).

Arieff Salleh Rosman, Nurrulhidayah Ahmad Fadzillah, Zulkiflee Haron, Mohd Nasir Ripin, Aminuddin Hehsan, Mifedvil Jandra, Nor Azwa Omar Jamli. (2019). Fatwa & sains perubatan moden menurut perspektif Maqasid Syariah. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies* 2(2), 151-164.

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

Faizah bt Haji Ismail. (2010). Ijtihad Sebagai Manhaj Istinbat Hukum Dalam Pengeluaran Fatwa, *Monograf al-Ifta' Siri 1*, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 20.

Hasnan Kasan & Jasri Jamal. (2003). Fatwa dalam perundangan Islam dan fungsinya menangani keperluan hukum semasa menurut siasah al-syariah. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat* 7, 105.



**238** **Mohammad Khairul Anuar Adnan, Ahmad Irdha Mokhtar, and  
Mohd Al Adib Samuri**

Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. (2015). Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Jabatan Kimia Malaysia. (2017). *Ujian Paterniti*. Diambil daripada <http://www.kimia.gov.my/v3/ms/fungsi-bahagian/forensik/paterniti.html>

Mat Saad Abd. Rahman. (2007). *Istinbat: Asas Dan Metodologi. Persidangan Mufti dan Fatwa di Negara-Negara ASEAN* (4), 25.

Jabatan Mufti Negeri Selangor. (2021). *Koleksi fatwa tahunan Negeri Selangor (2010 - 2016) yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Negeri Selangor*. Diambil daripada <https://www.muftiselangor.gov.my/fatwa-tahunan/pewartaan/2010-2016>

Malik, Ibn Anas Ibn Malik. (1994). *al-Muwatta'*. Dubai: Maktabah al-Furqan

Mohammad Naqib Hamdan, Mohd Anuar Ramli & Wan Nur Deeni Wan Ali. (2016). Pembedahan plastik dan rekonstruksi yang melibatkan pengubahan ciptaan Allah SWT: analisis berdasarkan parameter maqasid al-shari'ah. *Maqasid al-Shari'ah: Aplikasi Dalam Aspek Sains & Teknologi*, 101-114.

Mohd Anuar Ramli, Tengku Fatimah Azzahra Tengku Md Fauzi & Noor Fahimah Mohd Razif (2019). *Autoriti Kerajaan Dalam Mewajibkan Vaksinasi Kanak-kanak: Kajian Menurut Perspektif Hukum Islam. International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 6(2), 21-35.

Mohd Fauzi Hamat & Mohd Sobri Ellias. (t.t.). *Aspek-Aspek Pemikiran Kritis dalam Al-Qawaid Al-Fiqahiyyah*. T.p..

Mualimin Mochammad Sahid, Fettane Amar & Ahmad Syukran Baharuddin. (2020). Aplikasi kaedah-kaedah fiqah dalam isu-isu semasa pandemik covid-19. *Insla E-Proceedings* 3(1), 535-543.

**239**

**Implementasi Kaedah Fiqah Berelemenkan Darurat dalam  
Perubatan: Analisis Fatwa Terpilih Jabatan Mufti Negeri Selangor**

Muhammad ibn Makram Ibn al-Manzur. (t.t.). *Lisan al-'Arab*. j.4. Beirut: Dar Sadir, 482.

Muhammad ibn Muhammad ibn Ahmad ibn 'Abd Allah ibn Jazzi. (2009). *al-Qawanin al-Fiqhiyyah fi Talkhis Madhhab al-Malikiyyah: wa al-Tanbih 'ala Madhhab al-Shafi'iyah wa al-Hanafiyah wa al-Hanabilah* (Qahirah: Muassasah al-Mukhtar, 137.

Mustafa Malaikah. (2002). *Kewajipan Menguasai Enam Jenis Fiqh Bagi Pendakwah Islam di Alaf Baru*, terj. Basri Ibrahim (Johor Bharu: Perniagaan Jahabersa, 104.

Nasr Farid Muhammad Wasil. (1980). *al-Madkhal al-Wasit li Dirasah al-Syari'ah al-Islamiyyah wa al-Fiqh wa al-Tasyri'*. Qahirah: Matba'ah al-Nasr, 167.

Noor Naemah Abd. Rahman. (2002). ruang ijtihad dalam amalan fatwa di Malaysia: sorotan dari sudut *pentadbiran fatwa*. *Jurnal Syariah* 10(2), 19-30.

Nor Musfirah Mohamad & Azhan Taqiyaddin Arizan. (2021). Aplikasi kaedah fiqah 'tiada mudarat dan tidak boleh memberi mudarat' (la darar wa la dirar) dalam mendepani isu pandemik Covid-19 di Malaysia. *Malaysian Journal for Islamic Studies* 5(1), 153-166.

Nur Farhani Zarmani, Mohd Anuar Ramli & Shaikh Mohd Saifuddeen Shaikh Mohd Salleh (2017). Pembangunan garis panduan peranti perubatan halal: analisis terhadap isu-isu sutur pembedahan. *Jurnal Fiqah* (14), 51-74.

Robert Snedden. (1995). *Penemuan Sains-Genetik*. Selangor: Headstart Publishing.

Subhi Mahmassani. (1961). *Falsafah al-Tasyri' fi al-Islam: The Philosophy of Jurisprudence in Islam*, (Translated in English by Farhat J Ziadeh). Kuala Lumpur: The Open Press, 152.

Siti Khatijah Ismail, Dr. Ridzwan Ahmad & Prof. Madya Dr. Anisah Abd. Ghani. (2013). Konsep masalah dalam keperluan rawatan dan

**240** **Mohammad Khairul Anuar Adnan, Ahmad Irdha Mokhtar, and  
Mohd Al Adib Samuri**

aplikasinya dalam rawatan materniti. *International Seminar on Islamic Jurisprudence in Contemporary Society*, 304-314

Siti Khatijah Ismail, Ridzwan Ahmad & Siti Fatimah Salleh. (2018). Kaedah kelahiran lotus birth menurut perubatan dan *maqasid al-syariah*. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 19(1), 201-215.

Wahbah al-Zuhayli. (2005). *Nazariyyah al-Darurah al-Syar'iyah*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir, 54.

Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Nalisha Mohamed Ramli, Mualimin Mochammad Sahid, Nik Salida Suhaila Nik Salleh, Haslinda Ramli, Nadia Halib, Nor Azura Ahmad Tarmidzi, Nur Akilah Abdul Ghaffar, Shofian Ahmad. (2015). Klef orofasial: panduan prinsip fiqah dalam perancangan rawatan. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 10, 19- 35.

Wan Mohd Yusof Wan Chik. (t.t.). Tesis Pemakaian Kaedah Hukum Islam Secara Bersepadu dalam Penentuan Hukum Islam di Malysia, 81.

Yusuf al-Qaradawi. (1999). *Fatwa antara Ketelitian dan Kecerobohan*. Selangor: Thinker's Library, 13-14.

Yusuf al-Qaradawi. (2002). *Fiqh Keutamaan: Satu Kajian Baru dari Perspektif al-Quran dan al-Sunnah*, terj. Ahmad Nuryadi Asmawi. Selangor: Thinker's Library, 26.